

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI RABU, 6HB SEPTEMBER, 1972 PUKUL 2.30 PETANG

Bil.12

1

PERTANYAAN-PERTANYAAN BACI JAWAB MULUT

*1. Tuan Yeap Kheng Yam minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) sebab-sebab utama mengapa peperiksaan Bahasa Kebangsaan dijalankan tiap-tiap tahun ke atas kakitangan-kakitangan Kerajaan bukan Melayu;
- (b) sama ada kelulusan peringkat III sama tarafnya dengan kelulusan Bahasa Malaysia di dalam peperiksaan SPM atau MCE, dan
- (c) mengapa orang-orang yang telah lulus dalam peperiksaan peringkat III dalam tahun 1970 masih belum diberi sijil.

*2. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah-langkah yang konkrit yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membantu bekas-bekas perajurit dan berapa bilangan perajurit-perajurit yang sekarang ini di dalam Simpanan yang bersedia untuk dipanggil apabila keadaan menghendaki.

*3. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan ahli-ahli politik bagi tiap-tiap Negeri yang ditahan oleh Kerajaan semasa kejadian 13hb Mei, 1969 serta menyatakan bilangan mereka itu yang masih ditahan bagi tiap-tiap Negeri.

- *4. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau mengetahui bahawa kebanyakan kampung-kampung baru tidak mempunyai pondok-pondok talipon awam dan sama ada Kerajaan bermaksud hendak membekal keperluan asas itu kepada semua kampung-kampung baru.
- *5. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Perhubungan menerangkan sama ada Kerajaan bermaksud hendak membina sebuah lapangan terbang di Port Dickson, jika ya, bila ia akan didirikan.
- *6. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Perhubungan menyatakan berapa banyakkah permit-permit yang diberi kepada lori-lori untuk membawa balak hingga sekarang ini dan adakah Kerajaan sedar bahawa lori-lori balak itu kerap kali berjalan terlalu laju dari had yang ditetapkan baginya, hal ini amat membahayakan lalulintas yang lain; jika sedar, apakah tindakan yang sudah, sedang dan akan diambil dalam hal itu.
- *7. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementeriannya mengenai hasil-hasil Kongres Ekonomi Islam yang berlangsung di Ibu Kota dalam bulan April baru-baru ini dalam konteksnya dengan pengumpulan modal bumiputra menuju ke arah penglibatan bumiputra sebanyak 30% dari kegiatan ekonomi negara kita.
- *8. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan:-
- (a) sama ada Hari Guru pada 16hb Mei dan Hari Kanak-Kanak pada 31hb Oktober, akan diistiharkan sebagai hari-hari kelopasan bagi sekolah-sekolah dan jika tidak mengapa;
 - (b) sama ada beliau akan menaikkan gaji guru-guru sementara yang berkelulusan Senior Middle III (Cina) daripada \$205/= kepada \$230/= sebulan sebagaimana guru-guru berkelulusan MCE atau SPM, mulai bulan Januari, 1970; dan
 - (c) bilakah Kementerian Pelajaran akan mengiktirafkan ijazah-ijazah dari Universiti-Universiti Taiwan dan Nanyang.

*9. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) sama ada suatu Jawatankuasa Khas akan dibentuk untuk mengulangkaji tangga gaji dan gred-gred guru-guru seperti mereka-mereka yang telah dikelaskan didalam Gred BI dan tiada dapat diselesaikan oleh Lapuran Surohanjaya Aziz, dan jika ya, bila akan dibentuk dan sama ada ahli-ahli jawatankuasa ini akan mengandungi Ahli-Ahli Parlimen; dan
- (b) sama ada Kementerian beliau akan memberi makanan-makanan yang mengandungi zat dengan percuma kepada murid-murid Sekolah Rendah di seluruh negara kerana ramai daripada murid-murid ini datang ke sekolah dengan perut kosong yang mana akan merosakkan kesihatan mereka.

/J.

ATURAN URUSAN MESYUARAT

- | | | |
|----|---|-------------------------|
| 1. | (DR. 36/72) Rang Undang-Undang Peguambela dan Peguamchara (Pindaan) | Bacaan Kali Yang Kedua. |
| 2. | (DR. 40/72) Rang Undang-Undang (Perbadanan) the Superior of the Institute of the Congregation of the Brothers of Mercy. | " |
| 3. | (DR. 37/72) Rang Undang-Undang Perihal Dagangan. | " |
| 4. | (DR. 42/72) Rang Undang-Undang Piawaian (Pindaan) | " |
| 5. | (DR. 50/72) Rang Undang-Undang Pusat Penyelidikan Getah Malaya (Perluasan dan Pindaan) | " |
| 6. | (DR. 52/72) Rang Undang-Undang Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) (Perluasan dan Pindaan) | " |
| 7. | (DR. 53/72) Rang Undang-Undang Kumpulanwang Perusahaan Getah (Penanaman Sa-mula) (Perlanjutan Kuatkuasa). | " |
| 8. | (DR. 54/72) Rang Undang-Undang Pehak-berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah. | " |
| 9. | (DR. 51/72) Rang Undang-Undang Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia. | " |

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI KHAMIS, 7HB SEPTEMBER, 1972 PUKUL 2.30 PETANG

Bil.13

1

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

- *1. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Perdana Menteri menyatakan garis-garis kasar "Dasar Pembaharuan" seperti yang diistiharkan oleh beliau baru-baru ini dan sama ada dasar ini berbeza dari dasar "ekonomi baru" seperti yang diistiharkan oleh beliau dahulu.
- *2. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Pertahanan menerangkan apa arahan diberi terhadap Pasukan Bersenjata berhubung dengan kemalangan-kemalangan yang melibatkan Pasukan Bersenjata dan kenderaan awam, jika ada arahan demikian itu, apa langkah-langkah yang diambil untuk menentukan bahawa arahan ini dipatuhi.
- *3. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan bilangan lori-lori awam dan kenderaan Pasukan Bersenjata yang telah ditangkap di tiap-tiap Negeri kerana kesalahan memecut serta menyatakan beberapa di antara kesalahan-kesalahan itu telah dilangsai dan berapa bilangan diserahkan ke Mahkamah.
- *4. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa asap-asap kotor yang keluar dari paip-paip asap lori-lori (termasuk lori-lori J.K.R.), bas-bas dan teksi-teksi di jalan-jalan raya telah membahayakan kesihatan rakyat, dan jika ya, sama ada beliau telah mengambil tindakan-tindakan yang tegas untuk mengatasi masalah ini.

- *5. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Perhubungan menyatakan mengapakah Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Raya Malaysia Barat baru-baru ini telah menolak satu permohonan dari Persatuan Kenderaan Murid-Murid Sekolah Perak untuk mendapatkan sebuah bas kecil (mini-bus) bagi kegunaan ahli-ahli Persatuan itu apabila bas-bas sekolah mereka menghadapi kerusakan; dan sama ada beliau akan menimbang semula permohonan tersebut.
- *6. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Perhubungan menyatakan syarat-syarat yang diperlukan bagi seseorang untuk memohon mendapatkan sebuah lesen teksi; dan sama ada seseorang pemegang lesen teksi itu terpaksa mengusahakan teksinya sendiri atau pun ia boleh menyewakannya kepada orang-orang lain.
- *7. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan pemogokan-pemogokan berlaku dalam tahun 1972, dan dari bilangan ini, berapa banyak pemogokan-pemogokan di mana Kementerian ini terpaksa mencampurtangan bagi faedah pekerja-pekerja/ majikan-majikan.
- *8. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Peguam Negara menyatakan bilangan Biro-Biro Bantuan Guaman yang ditubuhkan di Malaysia Barat dan bilangan orang-orang yang telah menerima bantuan tersebut dari Biro-Biro ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT

- | | | |
|----|--|---------------------------|
| 1. | (DR. 42/72) Rang Undang-Undang Piawaian (Pindaan) | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 2. | (DR. 50/72) Rang Undang-Undang Pusat Penyelidikan Getah
Malaya (Perluasan dan Pindaan) | " |
| 3. | (DR. 52/72) Rang Undang-Undang Kumpulanwang Getah Malaya
(Penyelidikan dan Kemajuan)
(Perluasan dan Pindaan) | " |
| 4. | (DR. 53/72) Rang Undang-Undang Kumpulanwang Perusahaan Getah
(Penanaman Sa-mula) (Perlanjutan
Kuatkuasa). | " |
| 5. | (DR. 54/72) Rang Undang-Undang Pihak-berkuasa Kemajuan
Pekebun-kecil Perusahaan Getah. | " |
| 6. | (DR. 51/72) Rang Undang-Undang Lembaga Pasaran dan Pelesen
Getah Malaysia. | " |

/J.